



**Shire Pulau Krismas
Notis Awam**

32/17

2 November 2017

Musim Sebelum Siklon/Pembersihan Sampah

Penduduk di kampung dinasahati bahawa dari bulan Desember hingga April, Pulau Krismas mungkin akan dilanda siklon dan ombak kuat. Adalah penting bahawa rumah dan tempat kerja perlu bebas dari benda-benda yang longgar yang mungkin membawa mudarat semasa angin taufan.

Kini tiba masa untuk memnbersih kawasan rumah dan tempat kerja. Serpihan yang longgar, tumbuhan, kepingan besi, tong kosong dan lain-lain mungkin membawa bahaya semasa taufan.

Bagi membantu pembersihan, Shire akan memungut barang-barang buangan (tidak termasuk sampah domestik) di kawasan perumahan kampung dari Isnin 27 November hingga Rabu 29 November.

Perkhidmatan Pengumpulan Percuma adalah seperti berikut:

Untuk membantu pengumpulan, jenis sampah harus diasingkan dalam longgokan berlainan dan letak pada tempat yang mudah dipungut oleh pekerja dan kenderaan. Dahan pokok dan tumbuhan harus letak dalam longgak berlainan bagi memudahkan pembuangan ke tapak pelupusan sampah. Kerja pembersihan ini adalah sekaligus memandangkan kepadatan perumahan kampung dan kurangnya perletakkan tong sampah sesuai. Dua tapak telah dikenalpasti bagi pembuangan longgokan sampah, iaitu di kawasan BBQ Halal tepi pantai dan yang satu lagi pertengahan dengan blok biru perdekatan kawasan BBQ lama tepi pantai.

Hanya sampah yang boleh diangkat dengan tenaga satu orang akan diangkat. Sesiapa yang ingin membuang sampah longgok perlu memohon atur khas dengan Shire. Penduduk yang meninggalkan Pulau Krismas semasa Hari Krismas atau Tahun Baru Cina, harus memastikan segala benda yang dapat dialih oleh angin harus dalam keadaan selamat. Tong sampah beroda harus dipindah dari tepi jalan, dibersihkan dan simpan dalam keadaan yang selamat.

Kerja gotong-royong ini bertujuan membantu harta anda dan jiran anda. Adalah digalakkan supaya anda mengambil bahagian dan kerja sama anda demi menjaga keselamatan komuniti adalah sangat dihargai. Sila mengambil perhatian bahawa kami tidak akan memungut kereta, motosikal dan bot. Hanya pintu kereta dan bonet kereta yang tanggal, yang mungkin memudaratkan semasa taufan akan dipungut. Bagi maklumat lanjut, sila berhubung dengan Pengurus Kerja dan Khidmat, Encik Terry Clarke di talian 9164 8300 (ext 230), telefon bimbit: 0439 215 306 .

David Price
Ketua Pegawai Eksekutif